

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HMT 123 Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Havranek dalam Garvin 1984, mengatakan bahawa keintelektualan bahasa bermaksud keupayaan menyampaikan buah fikiran dan hujah dengan tepat dan berkesan termasuk keupayaan mengungkap kesinambungan dan kerumitan fikiran. Huraikan keintelektualan bahasa dan kaitkannya dengan konsep Bahasa Melayu Tinggi.

[25 markah]

2. Kegiatan orang-orang perseorangan dan pertubuhan-pertubuhan dalam pelaksanaan dasar bahasa dan perkembangan Bahasa Melayu amat dihargai. Huraikan peranan yang dimainkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam hal ini.

[25 markah]

3. Menurut Fishman (1972) dasar bahasa bagi Semenanjung Malaysia bercorak ekabahasa. Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi mempunyai 'Historicity, Ethnicity, Autonomy dan Vitalitynya'. Bincangkan kebenaran istilah ini.

[25 markah]

4. Hingga kini masih tidak ada ketepatan pendapat mengenai asal usul bangsa dan Bahasa Melayu. Keadaan lebih merumitkan dan merunsingkan lagi dengan ketiadaan bukti kukuh seperti rekod bertulis dan sebagainya. Huraikan pendapat yang sedia ada dan nyatakan kesahihan atau kebenaran pendapat tersebut.


[25 markah]

5. Di dalam Lampiran dipeturunkan teks asal batu bersurat yang dijumpai di Minye Tujuh, Aceh. Alih bahasakan teks tersebut ke dalam Bahasa Melayu sekarang. Nyatakan hubungan dan ciri-ciri penting di antara batu bersurat ini dengan Batu Bersurat Malikul Salleh yang didapati di Pasai.

[25 markah]

6. Menurut Zubir Usman (1959), "Abdullah ialah pengarang Melayu yang mula-mula keluar daripada kebiasaan lama yang melanggar dan mematahkan tradisi yang sudah turun temurun. Ia memalingkan peranannya daripada menceritakan kisah-kisah yang ghaib atau dari alam khayal ke dunia kenyataan." Huraikan pernyataan tersebut dengan memberi butiran konkrit dan bertepatan.

[25 markah]



hijrat nabi mungstapa yang prasida
tujuh ratus asta puluh sawarsa
haji catur dan dasa wara sukra
raja iman warda (?) rahmat-allah

gutra barubahasa mpu hak kadah pase ma
taruk tasih tanah samuha
ilahi ya rabbi tuhan samuha
taruh dalam swarga tuhan tatuha